

***DĀ`ĪRAH AL-WUJŪD* OLEH SYEIKH SHAMSUDDIN AL-SUMATERA`I: SATU PERBANDINGAN NASKHAH**

Rohaimi bin Rastam*^a, Prof. Dr. Zailan bt Moris^b

^aSchool of Humanities USM, Malaysia

Email: nurijannah@yahoo.com

^bSchool of Humanities USM, Malaysia

Email: zailan@usm.my

Abstrak

Manuskrip sebagai dokumen kearifan alam Melayu amat penting untuk kesinambungan pembangunan masyarakat dan bangsa masa kini yang sudah tentu mempunyai kaitan atau berasaskan perkembangan keilmuan masa lampau. Oleh yang demikian upaya mengungkap kearifan yang tersimpan dalam lembaran manuskrip menjadi amat bernilai. Namun terdapat beberapa persoalan yang sering mendapat perhatian dalam medan pengkajian manuskrip iaitu siapakah pengarang asal sesebuah manuskrip, apakah judul manuskrip berkenaan serta tarikh atau tahun ia dikarang. Justeru makalah ini membincang kajian manuskrip berjudul *Dā`īrah al-Wujūd* MS 1556 C koleksi Pusat Manuskrip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia karya Syeikh Shamsuddin al-Sumatera`i, 'Syeikh al-Islam' bagi kerajaan Aceh Darul Salam pada penghujung kurun ke-16 M. Kajian berasaskan metode filologi mengusahakan perbandingan naskhah di antara manuskrip MS 1556 C dengan teks *anonymous* ke-12 koleksi Marsden 11648 koleksi Perpustakaan School of Oriental and African Studies, Universiti London. Transliterasi rumi naskhah berkenaan disediakan, supaya perbandingan dapat dibuat demi mengenal pasti persamaan dan perbezaan dengan menjadikan manuskrip *Dā`īrah al-Wujūd* MS 1556 C sebagai naskhah asas. Hasil penelitian ke atas persamaan dan perbezaan di antara dua naskhah berkenaan membuktikan bahawa isi kandungan kedua-dua manuskrip berkenaan adalah sama, sekaligus membawa kepada kesimpulan bahawa teks ke-12 koleksi Marsden yang sebelum ini adalah *anonymous*, tanpa judul dan tanpa nama pengarang, tidak ragu adalah kitab *Dā`īrah al-Wujūd* karangan Syeikh Shamsuddin al-Sumatera`i. Pengenalpastian ini bermanfaat supaya pentahkikan (*verification*) dan analisis isi kandungan dapat diusahakan antara manuskrip ini dengan karya Syeikh Shamsuddin yang lain bagi memahami pemikiran beliau.

Kata Kunci: *Manuskrip, filologi, perbandingan naskhah, transliterasi*

1. Pengenalan

Manuskrip adalah dokumen yang dihasilkan bagi menyimpan maklumat yang menunjukkan kearifan terhadap sesuatu perkara yang ditulis, olah kata-kata dan seni bahasa, maksud dan gunanya sesuatu istilah atau simbol, pegangan dan kepercayaan agama atau jawapan permasalahannya. Manuskrip itu bermutu dari segi bahasa, isi kandungan, ragam, dan rasa, maka manuskrip itu dapat diterima sebagai sesuatu yang permai, bermanfaat, hakiki, suci dan sempurna, justeru dipetik sebagai contoh yang sesuai bagi menyelesaikan pelbagai masalah (Ding Choo Ming. 2008: 39). Demikian dapat difahami, bahawa gambaran keseluruhan bagi masyarakat yang mempunyai khazanah manuskrip adalah keupayaan ilmu dan pengetahuan mereka. Asas manuskrip adalah karya yang bertulis tangan atau inskripsi pada sesuatu permukaan dalam apa-apa jua tulisan atau simbol, yang dihasilkan bagi merakam ilmu dan maklumat merangkumi pelbagai bidang ilmu seperti tasawuf, hikayat, kanun, sejarah, perundangan, tib, puisi dan sastera. Tradisi penulisan manuskrip ini menjadi semakin berkembang melalui kedatangan Islam yang menjadi agama utama orang Melayu, tambahan pula Islam amat mementingkan ilmu pengetahuan. Lalu keperluan masyarakat Melayu kepada

kefahaman agama mencetuskan penghasilan manuskrip kitab.

Contoh manuskrip kitab pada separuh kedua abad ke-15 hingga abad ke-17 M antaranya ialah karya Syeikh Hamzah al-Fansuri (w 1527 M) iaitu kitab *Asrār al-Ārifin fi bayan ʿIlm al-Sulūk wa al-Tawhīd* (Rahsia Orang Yang Arif Tentang Ilmu Suluk dan Tauhid), kitab *Sharab al-Āshiqīn* (Minuman Orang Asyik), kitab *al-Musammā bī al-Muntaḥā* (Kitab Yang Dinamakan dengan Kitab Golongan Penghabisan) (al-Attas, Syed Muhammad Naquib. 1970: 296, 297, 353). Shaykh Hamzah al-Fansuri juga banyak menulis *rubaʿi* (syair), contohnya Syair Sidang Fakir (Mohd Kamal Bin Mahdi dan Mohd Syukri Yeoh Abdullah. 2014), Syair Burung Pingai. Tradisi kearifan ini disambung pula oleh Shaykh Shamsuddin al-Sumatera`i (w 1630 M). Antara manuskrip karya Shaykh Shamsuddin ialah *Anwār al-Daqāʿiq fi Kashf al-Asrār al-Daqāʿiq* (Cahaya Yang Seni Bagi Menyatakan Penyingkapan Rahsia Yang Seni), *Kashf al-Asrār al-Wujūd* (Penyingkapan Rahsia Wujud), *Kashf Sirr al-Rubūbiyyah fī Kamāl al-ʿUbūdiyyah* (Penyingkapan Rahsia Ketuhanan Pada Menyatakan Kesempurnaan kehambaan). Manuskrip kitab kedua-dua tokoh ini berunsurkan tasawuf.

Tasawuf berkembang dengan subur di Aceh di bawah naungan kesultanan ketika itu melalui tiga tokoh utama aliran tersebut dengan dua tokoh telah disebutkan sebelum ini manakala seorang lagi ialah Syeikh Abdul Rauf Ali al-Fansuri (w 1693 M), bagaimanapun Syeikh Hamzah al-Fansuri tidak berkecimpung dengan kalangan istana. Setelah kewafatan Syeikh Shamsuddin al-Sumatera`i terjadi pergolakan antara tasawuf *wujudiyah* dengan penentangannya, dengan masa-masa sebelum itu penentangan ada berlaku di luar alam Melayu. Penentangan di Aceh digerakkan oleh Syeikh Nuruddin al-Raniri, beliau bukan setakat bertindak menuduh tasawuf *wujudiyah* sebagai sesat dengan pengikutnya dianggap kafir, murtad dan *zindiq* bahkan sehingga ke puncak tindakan dengan membunuh pengikut-pengikut ajaran ini dan kitab-kitab karya Syeikh Hamzah al-Fansuri dan Syeikh Shamsuddin al-Sumatera`i dibakar.

Peristiwa ini membuatkan garapan keilmuan kedua-dua tokoh Sufi berkenaan 'terangkat hilang' dan secara umumnya dianggap nadir. Kenadiran karya-karya Syeikh Hamzah al-Fansuri dan Syeikh Shamsuddin al-Sumatera`i menimbulkan kesulitan kepada para peneliti. Bukti-bukti maujud sekiranya ditemui membolehkan pemurnian ke atas kesimpulan terdahulu dilakukan serta fakta menjadi jelas. Penemuan manuskrip sebagai bukti maujud primer dapat menjelaskan permasalahan beberapa manuskrip kitab yang berstatus *anonymous* dalam koleksi perpustakaan dunia. Antaranya ialah koleksi *anonymous* Marsden 11648 simpanan Perpustakaan School of Oriental and African Studies, Universiti London, yang mengandungi lapan belas naskhah *anonymous*. Siapakah pengarang dan apakah judul lapan belas naskhah itu menjadi persoalan. Namun, disedari persamaan isi kandungan antara naskhah ke-12 koleksi *anonymous* Marsden tadi dengan manuskrip *Dā`irah al-Wujūd* Ms 1556 C simpanan Pusat Manuskrip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia. Persamaan berkenaan disedari melalui pembacaan manuskrip *Dā`irah al-Wujūd* dan transliterasi naskhah ke-12 yang diusahakan oleh A.H. Johns dalam tesis kedoktoran beliau.

Justeru bagi menjawab persoalan siapakah pengarang asal naskhah ke-12 koleksi *anonymous* Marsden 11648 serta apakah judul naskhah berkenaan, maka bahagian selanjutnya akan didahului dengan mengemukakan penaskhahan manuskrip *anonymous* koleksi Marsden 11648 diikuti penaskhahan manuskrip *Dā`irah al-Wujūd* Ms 1556 C seterusnya penyediaan transliterasi guna membuktikan persamaan di antara kedua-dua manuskrip berkenaan.

2. Naskhah ke-12 Koleksi Marsden 11648

Bahagian ini menjelaskan tentang naskhah ke-12 daripada manuskrip yang digabung membentuk jilidan tunggal dengan nombor 11648 koleksi William Marsden Perpustakaan

School of Oriental and African Studies, London. Naskhah ke-12 itu bermula dari helaian 245 hingga helaian 260, bermakna sebanyak 16 helaian bertulis pada manuskrip koleksi Marsden berbanding cuma 5 helaian bertulis bagi naskhah 1556 C Pusat Manuskrip Melayu. Perkara ini menunjukkan saiz helaian manuskrip yang berbeza lalu memberikan perbezaan bilangan baris bertulis yang menjadikan bilangan helaian kedua-dua manuskrip tidak sama. Manuskrip Marsden ditulis sembilan baris bagi setiap halaman dengan khat yang jelas dan tidak meyakinkan pembacaan. Namun koleksi berkenaan kehilangan halaman-halaman awal dengan naskhah pertama tiada mukadimah dan naskhah terakhir kehilangan kata penutup. Sebagaimana kata Johns:

The volume in the Marsden Collection, as numbered, has 325 pages and contains eighteen tracts, the first of which lacks a beginning and the last an end; all are written in the same hand. (Johns, A. H. 1957)

Sebanyak lapan belas naskhah tercantum dalam koleksi Marsden tadi membentuk 325 halaman manuskrip. Koleksi ini diangkat oleh A. H. Johns melalui kajian Ph. D. beliau. Di dalam kajiannya Johns menjelaskan mengenai struktur naskhah-naskhah tersebut secara umum kemudiannya data kandungan ringkas naskhah-naskhah tadi dihuraikan mengikut tema, dengan ini di bawah satu-satu tema terdapat rujukan pada berbilang naskhah. Disebabkan bahan maujud primer yang tidak mencukupi Johns menegaskan adalah perlu berhati-hati sebelum dengan pastinya menetapkan aliran pengarang-pengarang yang berbeza yang terlibat, sekalipun untuk menganggap naskhah sebagai hasil karya Syeikh Hamzah al-Fansuri mahupun Syeikh Shamsuddin al-Sumatera`i.

Johns bagaimanapun dengan pasti mengatakan bahawa naskhah-naskhah yang lapan belas itu bukanlah karya empat tokoh terkemuka seperti yang dinyatakan oleh beliau:

If these considerations are kept in mind, then we may go on to consider in the first place, whether these tracts can be attributed to any one of the four prominent teachers we have mentioned. The answer to this question must be no. (Johns, A. H. 1957)

Asas utama menurut beliau terletak pada struktur dan gaya naskhah-naskhah itu sendirinya. Beliau memberi contoh naskhah 1, sekalipun bahagian-bahagian yang berasingan disusun dengan baik naskhah tersebut secara keseluruhannya tidak membentuk kesepaduan yang memuaskan dan terdapat satu perenggan yang diulang dua kali. Naskhah ke-13 terdapat pengulangan definisi *tanazzul*, naskhah ke-4 pengulangan makna *wahdah* dan naskhah ke-8 juga terdapat pengulangan. Menurut Johns lagi, ini bukanlah untuk menafikan kemahiran pengarang tetapi hanyalah untuk menunjukkan bahawa pengarang tersebut bukanlah pakar aliran ini, atau kelancaran dan keyakinannya ketika menjelaskan tidaklah sepertimana Syeikh Hamzah al-Fansuri dan Syeikh Nuruddin al-Raniri.

Akhirnya Johns menyimpulkan bahawa naskhah-naskhah tersebut dikarang oleh pengarang yang setanding atau jika lebih suka hendak dikatakan dikarang oleh seorang guru jalanan buat murid-muridnya:

This is not to deny the competence of the writer, but only to point out that he has not the mastery of the subject, or the smoothness and confidence in exposition of, say, Hamzah or al-Raniri. One can read these tracts and be wiser, whereas one can read Hamzah and al-Raniri with pleasure as well. We may conclude then, with a fair amount of confidence, that they were written by a competent if rather pedestrian

teacher for his students. (Johns, A. H. 1957)

Kemudian Johns menganalisis aliran naskah-naskah tersebut agar dapat digolongkan sama ada beraliran Syeikh Hamzah al-Fansuri atau Syeikh Shamsuddin, dengan berpandukan naskah ke-5, naskah ke-8, dan naskah ke-15. Johns kemudiannya membentangkan kesimpulan, pengarang naskah-naskah tersebut bukan bertaraf syeikh, namun beliau setanding dengan syeikh dan berkemungkinan tergolong dalam aliran Syeikh Shamsuddin al-Sumatera`i:

Their author was certainly no master, but he was competent, and probably belonged to the school of Shamsu'l-Din. (Johns, A. H. 1957)

Di bahagian akhir Johns menyertakan transkripsi naskah dalam tulisan rumi yang kemudiannya diterjemahkan kedalam bahasa Inggeris.

3. Penaskhahan Manuskrip *Dā`irah al-Wujūd*

Antara manuskrip nadir ialah *Dā`irah al-Wujūd*, yang tidak diketahui adanya sebelum ini atas alasan tersembunyinya manuskrip tersebut kerana faktor politik zamannya serta keselamatan pemilikinya. Sebab itulah *Dā`irah al-Wujūd* tidak disenaraikan oleh Abdul Aziz Dahlan dalam penelitiannya. Sekalipun beliau menyebut mengenai naskah yang belum dijumpai atau belum diteliti namun *Dā`irah al-Wujūd* tidak juga tersenarai (Abdul Aziz Dahlan. 2007). Naskah Cod. Or. 1332, Universiti Leiden yang menyenaraikan kumpulan karangan Syeikh Shamsuddin al-Sumatera`i juga tidak ditemui judul *Dā`irah al-Wujūd*. Johns dalam artikelnya bertajuk Shams al-Din al-Samatra-i (Johns A. H. 2009: 358) menyenaraikan sejumlah sepuluh karya Syeikh Shamsuddin antaranya *Zikr Da`irah Qāba Qawsayn Āw Adnā*, *Jawħar al-Ĥaqā`iq*, Kitab *al-Harākah* dan seterusnya, di samping lapan karya yang diragui sebagai karya Syeikh Shamsuddin. Namun begitu dalam kedua-dua penyenaian tersebut *Dā`irah al-Wujūd* masih terlepas daripada sebutan.

Sepanjang pengetahuan ini, satu-satunya manuskrip *Dā`irah al-Wujūd* yang lengkap dengan judul dan nama pengarang, terdapat dalam koleksi Pusat Manuskrip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia dengan nombor panggilan MS 1556 C perolehan tahun 1996. Manuskrip berkenaan mempunyai kolofon judul manuskrip berserta nama pengarang iaitu Syeikh Shamsuddin al-Sumatera`i. Judul ini dan penisbahannya sebagai karangan Syeikh Shamsuddin bersetuju dengan pernyataan yang dibuat oleh Syeikh Nuruddin al-Raniri dalam *Tibyan* beliau, katanya:

Sekarang ku nyatakan pula kepadamu hai salik daripada iktikad Shamsuddin Sumatera`i dan perkataannya (P. Voorhoeve. 1955:101)...dan lagi pula beberapa kitab....seperti kitab *Ĥaqq al-Yāqin* dan *Dā`irah al-Wujūd* dan kitab *Sirr Rubūbiyyah* dan kitab *Kashf Sirr al-Tajallī al-Şubhanī* dan kitab *Sirr al-Ānwar* dan beberapa risalah yang tiada terhisab banyaknya (P. Voorhoeve. 1955: 111).

Dā`irah al-Wujūd MS 1556 C terdiri daripada lima halaman, membawa bersama-sama cara gaya penulisan manuskrip Melayu. Manuskrip ini bertulisan jawi dengan khat yang tersusun, baik dan terang memudahkan pembacaannya. Ditulis menggunakan dakwat hitam dan merah, awalan kitab ini iaitu halaman pertama memaparkan judul dan nama penuh pengarang beserta doa dalam susunan segitiga dengan puncaknya ke bawah. Warna merah digunakan pada perkataan pertama dan perkataan seterusnya berdakwat hitam dengan setiap

permulaan baris (kecuali baris pertama) dan akhiran setiap baris (termasuk baris pertama) ditandai dengan bulatan merah. Penulisan pada halaman seterusnya adalah secara prosa tanpa perenggan dan titik mahupun tanda koma tidak sepertimana penulisan rumi dan jawi moden. Dengan itu dakwat merah digunakan pada perkataan pertama bagi membezakan perenggan. Kitab ini dibahagi kepada tiga bahagian asas iaitu mukaddimah, isi naskhah dan *khatimah*. Mukaddimah dimulai dengan *basmalah*, puji-pujian kepada Allah dan selawat ke atas Rasulullah s.a.w. diikuti dengan menyatakan perkara-perkara yang akan disentuh oleh kitab tersebut.

Bahagian isi naskhah yang merupakan teras dan mengambil nisbah terbesar halaman kitab dimulai dengan doa kepada penuntut-penuntut kitab. *Dā`irah al-Wujūd* digubah tanpa menyatakan bab secara terang-terangan. Topik-topik penyampaian dan perenggan-perenggan dibezakan dengan kaedah menggunakan perkataan yang berdakwat merah barulah diikuti dengan isi penyampaian. Bahagian akhir penulisan atau *khatimah* (penutup) bagi *Dā`irah al-Wujūd* amat ringkas iaitu dengan hanya mengembalikan pengetahuan kepada Allah dan memohon perkenan kepada *Rabb* sekalian alam. Bahagian *khatimah* (penutup) ini mengambil empat baris dengan baris keempat ditulis menegak ke bawah menghasilkan bentuk segitiga yang puncaknya menghala ke bawah. Dakwat merah membentuk bulatan kecil pada awal dan akhir setiap empat baris ini.

Perkataan-perkataan yang ditanda dengan dakwat merah ialah perkataan *kitab*, *bermula*, *umpamanya*, *dan*, *adapun*, *kerana*, *maka*, *yakni*, *suatu*, *kedua*, *alḥamdulillah*, *wa ba`du* dan *ketahui*. Perkataan yang ditandai dengan *tashdid* ialah perkataan *Allah*, *muqayyad*, *rabbani*, *tersedar* dan *itu jua*. Terdapat juga perkataan Minang yang digunakan iaitu perkataan *uris* yang dieja *ha*, *waw*, *ra*, *sin* (*huris*). Pengejaan manuskrip *Dā`irah al-Wujūd* menunjukkan bahawa dalam beberapa perkataan, huruf vokal akhir yang biasa ditulis dalam penulisan Melayu moden ditiadakan. Malah tanda *fathah*, *kasrah* mahupun *dammah* juga tidak digunakan. Ambil perkataan *itu* contohnya, tidak dieja *أت* sebaliknya dieja *ايت* tanda *dammah* pada hujung kata, iaitu huruf *ta* tidak digunakan bagi menghasilkan bunyi *itu*. Huruf vokal hanya berlaku pada suku kata pertama sahaja, iaitu (*اي*); *alif* dan *ya*, tanpa perletakan huruf vokal pada suku kata kedua, iaitu *waw*. Walaupun tanpa ada huruf vokal pada suku kata kedua ini ataupun tanpa tanda *dammah*, khalayak pada zaman penulisan naskhah telah boleh membaca kata ini dengan betul. Perkataan lain antaranya ialah *bagi* (*بكي*), *ini* (*اين*), *dari* (*در*). Huruf vokal tengah yang biasa ditulis dalam penulisan Melayu moden juga ditiadakan. Ambil perkataan *kira* contohnya, dieja *كرا* begitu juga dengan perkataan segala dieja *سكل* dan perkataan simpan dieja *سمفن*. Keseluruhannya ‘G’ dan ‘K’ berterusan ditulis *ك*.

Dalam manuskrip *Dā`irah al-Wujūd*, terdapat penggunaan diksi bahasa Arab terdiri daripada dua bentuk kata iaitu kata tunggal dan kata majmuk. Contoh kata tunggal ialah kata *wa ba`du*, *hamdalah*, *thalib*, *muqayyid*, *fi`il*, *ahadiyyah*, *wahdah*, *wahidiyyah*, *mutlaq*, *adna*, *hijab*, *muraqabah*, *tawajjuh*, dan *mushahadah*. Kata majmuk pula dapat dilihat pada kata *wahdat al-wujud*, *nur kasyif*, *arif Rabbani*, *qaba qawsain*, *fana`fillah* dan *baqa`billah*. Penggunaan morfofonemik dalam manuskrip ini adalah pada perkataan *memaca* untuk *membaca*. Konsonan *b*, sebagai konsonan bibir, digugurkan. Dapatlah dikatakan morfofonemik yang dipakai oleh manuskrip ini hanyalah satu bentuk sahaja, iaitu sengau; tanpa mengambil kira sama ada konsonan bersuara mahupun tidak; konsonan pengujarannya adalah sealat, iaitu konsonan bibir. Diksi pinjaman daripada bahasa Sanskrit yang kemudiannya menjadi sebahagian kata bahasa Melayu seperti perkataan *bahawa*, *nescaya* pada ayat “*Bahawa da`irah itu pada arif Rabbani menyatakan dua martabat zat Allah Taala dan wujud-Nya*”. Begitu juga dengan ayat “*nescaya diperolehnyalah fana`fillah baqa`billah itu*” juga dapat ditemui dalam manuskrip *Dā`irah al-Wujūd*. Morfologi usang atau arkaisme iaitu cara kuno pemakaian kata-kata dan bentuk kata-kata dapat terlihat pada ayat “*pada martabat itu, terbuni pada keesaan nyata zat Allah Taala dan wujud-Nya itu*”. “*Terbuni*” bermaksud tersembunyi, kata arkaik yang

masih boleh difahami seandainya dirangkaikan dalam satu sintaksis. Keusangan kata ini tidak mencapai tahap kata kuno sehingga sukar difahami oleh khalayak masa ini. Hanya kata ini tidak lazim digunakan dan telah diambil tempatnya oleh kata yang lain.

Selanjutnya dipaparkan transliterasi *Dā`īrah al-Wujūd* 1156 C. Kewajaran manuskrip *Dā`īrah al-Wujūd* dijadikan sebagai naskhah asas atas sebab kesempurnaan naskhah itu yang mengandungi kolofon judul serta nama pengarang. Nombor halaman *Dā`īrah al-Wujūd* ditanda dengan [nombor halaman].

4. Transliterasi *Dā`īrah al-Wujūd* MS 1556 C

[1] Kitab *Dā`īrah al-Wujūd min muallafāt* al-Syeikh Shamsuddin Ibni Abdullah al-Sumatera`i *Ghafar Allāhu lahu waliwā lidaih. Walisā`īril mukminīn wa al-mukmināt wa al-muslimīn wa al-muslimāt. Amīn Rabb al-`ālamīn. Wallāhu a`lam.*

[2] *Bismillāhirrahmanirrahīm.* Dengan nama Allah jua, aku memulai memaca kitab yang simpan ini, Yang amat murah Yang amat mengasihani. *Alḥamdulillāhi waḥdahu.* Segala puji-pujian bagi Allah, Tuhan yang Esa keEsaan-Nya. *Waṣṣolatu wassalāmu `alā man la Nabiyya ba`dahu.* Dan rahmat Allah dan salam-Nya atas Nabi Allah yang tiada Nabi kemudiannya.

Wa ba`du.

Adapun kemudian daripada mengucap *Basmalah* dan *Ḥamdalah* ertinya *Bismillāhirrahmanirrahīm*, ertinya *Alḥamdulillāhi waḥdahu* dan selawat akan nabi Allah itu, maka ini perkataan yang menyatakan kenyataan peri *dā`īrah* ini, yakni *Waḥdat al-Wujūd*, ertinya: Kandang keEsaan Zat Allah Taala dan wujud-Nya.

Dan yang menyatakan kenyataannya peri *qaba qawsān*, ertinya: terlebih dampingnya, yakni damping Nabi Allah dan yang beroleh waris daripada Nabi Allah kepada Allah Taala. Upamanya dua bentuk busur. Dan menyatakan *aw adnā*, ertinya: terlebih dampingnya yakni damping Nabi Allah dan segala yang beroleh waris daripada Nabi Allah kepada Allah Taala, tetap terdamping pula daripada dua bentuk busur itu.

Ketahui, hai *thalib Ḥaqq* Taala, ertinya: hai yang menuntut Zat *Ḥaqq* Taala dan wujud-Nya. Dikurniai *Ḥaqq* Taala kiranya engkau *nur kashif*, ertinya: cahaya yang membukakan hijab itu akan yang menuntut dia dengan sempurnanya dari dunia datang ke akhirat. Bahawa *dā`īrah* itu pada *`ārif Rabbānī* menyatakan dua martabat, Zat Allah Taala dan wujud-Nya. Suatu dari dua martabat itu, martabat Zat Allah Taala dan wujud Allah yang mutlak, [3] ertinya: ada Allah Taala yang sejati-Nya. Yakni nyata Zat Allah Taala, tiada nyertai Dia itu nyata segala sifat-Nya dan tiada nyata segala *ismu*-Nya dan tiada nyata segala *fi`il*-Nya pada martabat itu. Tetapi segala sifat-Nya dan segala *ismu*-Nya dan segala *fi`il*-Nya pada martabat itu, terbuni pada keEsaan nyata Zat Allah Taala dan wujud-Nya itu.

Kedua, dari dua martabat itu, martabat Zat Allah Taala dan wujud Allah Taala yang *muqayyad*, ertinya: yang bertambatan. Yakni tambatan nyata Zat Allah Taala itu dengan sesuatu sifat daripada segala sifat-Nya atau dengan nyata sesuatu daripada segala *ismu*-Nya atau dengan nyata daripada segala *fi`il*-Nya.

Bermula martabat Zat Allah Taala dan wujud Allah Taala yang *muqayyad* itu dua martabat. Suatu dari dua itu, *muqayyad* nyatanya dengan nyata segala sifat-Nya. Kedua dari dua martabat *muqayyad* nyatanya dengan nyata segala *ismu*-Nya dan dengan nyata segala *fi`il*-Nya. Adapun martabat Zat Allah Taala dan wujud Allah yang mutlak itu martabat *Aḥadiyyah*, ertinya: Esa. Dan martabat Zat Allah Taala dan wujud Allah Taala yang *muqayyad* dengan segala sifat-Nya itu, martabat *Waḥdah*, ertinya: punya Esa. Dan martabat Zat Allah Taala dan wujud Allah Taala yang *muqayyad* dengan segala *ismu*-Nya dan dengan segala *fi`il*-Nya itu, martabat *Waḥidiyyah*, ertinya: Yang Esa.

Bermula Zat Allah Taala yang mutlak itu upamanya, upama *dā`īrah* ini . Maka tiada nyata sesuatu daripada segala sifat-Nya, [4] dan tiada nyata sesuatu daripada segala *ismu*-Nya, dan tiada nyata sesuatu daripada segala *fi`il*-Nya seperti nyata zat *dā`īrah* ini. Bermula Zat Allah Taala dan wujud-Nya yang *muqayyad* dengan segala sifat-Nya itu upamanya, upama *dā`īrah* ini . Maka nyata sifat-Nya seperti nyata zat *dā`īrah* ini. Bermula Zat Allah Taala dan wujud-Nya yang *muqayyad*, ertinya: yang bertambatan dengan segala *ismu*-Nya dan dengan segala *fi`il*-Nya itu upamanya, upama *dā`īrah* ini . Maka nyata segala *ismu*-Nya dan segala *fi`il*-Nya seperti nyata zat *dā`īrah* ini.

Sebermula *aw adnā*, ertinya tiap-tiap terdamping ia, yakni damping Nabi Allah dan segala yang beroleh waris daripada Nabi Allah, kepada Zat Allah Taala dan wujud-Nya. Upamanya, upama *dā`īrah* Zat Allah Taala dan wujud-Nya yang mutlak itu. Dan *qaba qawsān*, ertinya: dampingnya yakni Nabi Allah dan segala yang beroleh waris daripada Nabi Allah kepada Allah Taala seperti dua bentuk busur. Yakni *dā`īrah* yang ketiga itu. Upamanya, upama *dā`īrah* Zat Allah itu dan wujud-Nya yang *muqayyad* dengan segala *ismu*-Nya dan dengan segala *fi`il*-Nya.

Adapun *'ārif Rabbānī* yang membawa isyarat *fanā`fillāh* dan *baqā`billāh*, yakni lenyap dalam Allah Taala dan kekal dengan Allah Taala itu. Maka yang di *fanā`*kannya itu huris yang nyata dalam zat *dā`īrah* itulah jua. Dan yang di *baqā`*kannya itu, tempat tetap huris yang tiada huris. Yakni yang mutlak yang nyata dalam zat *dā`īrah* itulah jua. Kerana upama huris itu upama sebenar-benar dirinya, upama yang nyata [5] dalam ilmu *Haqq* Taala yang tetap pada Zat *Haqq* Taala itu.

Maka apabila *fanā`*lah pada *'ārif Rabbānī* yang sebenar-benar dirinya itu pada makrifatnya dan pada *zauqinya* dan pada *mushāhadahnya*, maka *baqā`* Zat Yang Mutlak itulah jua pada makrifatnya dan pada *zauqinya* dan pada *mushāhadahnya*. Nescaya diperolehyalah *fanā`fillāh* *baqā`billāh* itu.

Adapun *'ārif Rabbānī* yang membawa isyarat zikir, ertinya: tersedar dalam hatinya, yakni tersedar akan Zat Allah Taala dan wujud-Nya yang mutlak yang tempat nyata huris itu jua. Dan yang membawa isyarat *murāqabah*, ertinya: ingat dalam hatinya akan Zat Allah Taala dan wujud-Nya yang mutlak itu yang tempat nyata huris itu jua. Dan yang membawa isyarat *tawajjuh*, ertinya: mengadapkan mata hatinya kepada Zat Allah Taala dan wujud-Nya yang mutlak yang tempat nyata huris itu jua. Dan yang membawa isyarat *mushāhadah*, ertinya: memandang dengan mata hatinya kepada Zat Allah Taala dan wujud-Nya yang mutlak yang tempat nyata huris itu jua. *Wallāhu`alam biṣṣawab*.

Amīn Rabb al-`Ālamīn

5. Kesimpulan

Berasaskan perbandingan antara manuskrip *Dā`īrah al-Wujūd* MS 1556 C dengan naskhah ke-12 koleksi *anonymous* Marsden, jelas kelihatan persamaan antara isi kedua-dua naskhah tersebut dengan perbezaan kecil yang tidak mengubah isi kandungan manuskrip. Maka naskhah ke-12 koleksi *anonymous* Marsden tanpa ragu adalah kitab *Dā`īrah al-Wujūd* karya Syeikh Syamsuddin Ibn Abdullah al-Sumatera`i. Sekalipun Johns membentangkan hujah-hujah beliau bagi menunjukkan bahawa lapan belas naskhah dalam koleksi Marsden bukanlah karangan Syeikh Hamzah mahupun Syeikh Syamsuddin dan membentuk kesimpulan bahawa naskhah-naskhah tersebut ditulis oleh seorang 'guru jalanan', tidak memiliki kelancaran dan keyakinan dalam menyampaikan keilmuannya namun pengarang tersebut sealiran dengan Syeikh Syamsuddin. Alasan yang dikemukakan oleh beliau ialah naskhah 1, naskhah ke-4, naskhah ke-8 dan naskhah ke-13 terdapat pengulangan dalam penulisan. Ketika beliau berusaha menentukan aliran pengarang tersebut beliau merujuk kepada naskhah ke-5, naskhah ke-8, dan naskhah ke-15. Hasil daripada kesemua penelitian inilah membuahkan kesimpulan seperti yang disebut tadi. Beliau tidak pula menyatakan kepincangan pada naskhah ke-12, namun berasaskan kepincangan pada naskhah 1, naskhah ke-4, naskhah ke-8 dan naskhah ke-13 kesimpulan dan andaian bagi keseluruhan lapan belas naskhah dibentuk. Demikian, makalah ini memurnikan kesilapan Johns dan meyakini bahawa naskhah ke-12 koleksi *anonymous* Marsden adalah kitab *Dā`īrah al-Wujūd*, tanpa ragu.

Rujukan

Abdul Aziz Dahlan. 1999. Penilaian Teologis Atas Faham Wahdat al-Wujud (Kesatuan Wujud) Tuhan-Alam-Manusia Dalam Tasawuf Syamsuddin Sumatrani. Padang: IAIAN IB Press.

al-Attas, Syed Muhammad Naquib. 1970. The Mysticism of Hamzah Fansuri. Kuala Lumpur: Universiti Malaya Press.

al-Raniri, Nuruddin. Tibyan Fi Makrifat al-Adyan. Dalam P. Voorhoeve. Twee Maleise Geschriften Van Nuruddin Ar-Raniri In Facsimile Uitgegeven Met Aantekeningen. Leiden: E. J. Brill, 1955: fol 10.

Ding Choo Ming. 2008. Manuskrip Melayu Sumber Maklumat Peribumi Melayu. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Guillot, Claude dan Kalus, Ludvik. 2009. La Stele Funeraire de Hamzah Fansuri. Terj. Rita Parasman. Batu Nisan Hamzah Fansuri. Di dalam Jurnal Terjemahan Alam dan Tamadun Melayu 1. Bangi: Institut Alam dan Tamadun Melayu UKM.

Johns, A. H. 1957. Malay Sufism as Illustrated in an Anonymous Collection of 17th Century Tracts. dalam Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society, Volume XXX, Bahagian ke-2. Oxford: Alden Press (Oxford) Ltd.

Johns, A. H. 2009. Shams al-Din al-Samatra-I, dalam Essays in Arabic Literary Biography, Volume 2. Otto Harrassowitz GMBH & Co. KG. Wiesbaden.

Mohd Kamal Bin Mahdi dan Mohd Syukri Yeoh Abdullah. 2014. Syair Sidang Fakir Shaykh Hamzah Fansuri. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Siti Baroroh Baried, dkk. 1994. Pengantar Teori Filologi. Yogyakarta: Badan Penelitian dan Publikasi Fakultas Seksi Filologi, Fakultas Sastra UGM.

Siti Hawa Haji Salleh. 1999. Kesusasteraan Melayu Tradisional Dan Peranan Filologi. Dalam *Akademika* 54. Bangi: Penerbit UKM.

Teuku Iskandar dan rakan-rakan. 1989. Kamus Dewan Edisi Pertama. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Witkam, Jan Just. 2007. *Inventory of The Oriental Manuscripts of The Library of The University of Leiden*. Leiden: Ter Lugt Press

Zailan Moris. 2007. Mulla Sadra And Hamzah Fansuri: A Comparative Study Of Some Aspects Of Their Metaphysical Teachings. Dalam *Transcendent Philosophy* Vol. 8. London: London Academy Of Iranian Studies.

Zailan Moris. 2007. South-east Asia. Dalam *History of Islamic Philosophy Part II*. London & New York: Routledge.

Zailan Moris. 2003. *Revelation, Intellectual Intuition and Reason in the Philosophy of Mulla Sadra An Analysis of the al-Hikmah al-'Arshiyah*. London & New York: Routledge Curzon.